

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pindaan-pindaan terhadap Kanun Keseksaan yang sedang dalam proses kajian sepermula yang dinyatakan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 akan melibatkan pindaan bagi menghapuskan (*abolish*) hukuman mati mandatori.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kanun Keseksaan [Akta 574] digubal bagi memperuntukkan kesalahan-kesalahan bagi perbuatan jenayah yang menyalahi undang-undang berserta hukuman bagi setiap kesalahan yang diperuntukkan tersebut.

Pada masa ini, terdapat 9 jenis kesalahan di bawah Akta 574 yang membawa hukuman mati mandatori seperti berikut:

Seksyen	Jenis kesalahan
121A	Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
130C	Melakukan perbuatan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
130I	Mengarahkan aktiviti-aktiviti kumpulan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
130N	Memberikan atau mengumpul harta untuk perbuatan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
130O	Memberikan perkhidmatan bagi tujuan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
130QA	Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan keganasan, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
130ZB	Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
302	Seksaan bagi kesalahan bunuh yang diperuntukkan di bawah seksyen 300.
374A	Mengambil tebusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Dokumen Rancangan Malaysia Ke-12, di muka surat 180, Perkara 4-18, dinyatakan bahawa:

“Beberapa undang-undang akan dipinda untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan bagi meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam. Ini termasuk undang-undang berkaitan jenayah merangkumi Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Keganasan 2015 dan Kanun Keseksaan. Di samping itu, Akta Hasutan 1948 serta Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 akan disemak semula.”.

Kajian terhadap sesuatu peruntukan undang-undang hendaklah dilakukan dengan berhati-hati dan menyeluruh. Ia penting dalam memastikan pindaan undang-undang kelak memperuntukkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Ia juga penting dalam memastikan Kanun Keseksaan yang berkuat kuasa pada masa kini kekal relevan dan sesuai dengan peredaran masa.

Pada 29 Ogos 2019, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kajian Khas Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori (“Jawatankuasa Khas”). Jawatankuasa Khas ini terdiri daripada pakar-pakar perundangan dan kehakiman bagi tempoh 4 bulan bermula 20 September 2019 hingga 31 Januari 2020 untuk melaksanakan Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori. Jawatankuasa Khas ini diberi mandat untuk mengkaji cadangan menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

Secara umumnya, Jawatankuasa Khas ini telah melaksanakan kajian yang bersifat komprehensif dan holistik melalui pelbagai kaedah pengumpulan data dan maklumat daripada pelbagai lapisan masyarakat. Jawatankuasa Khas tersebut telah pun menyediakan laporannya dan Kerajaan sedang meneliti laporan tersebut bagi menentukan tindakan

NO. SOALAN : 26

selanjutnya yang perlu diambil agar ia selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedia ada.

Kajian melibatkan hukuman mati mandatori ini secara khususnya tidak terangkum dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sungguhpun demikian, Kerajaan masih berhasrat untuk mempertimbangkan kajian cadangan gantian hukuman mati mandatori tersebut.

Oleh itu, sebarang pertimbangan Kerajaan kelak adalah akan berlandaskan kepada syor-syor kajian dan maklum balas menyeluruh yang diterima daripada semua pihak demi memastikan langkah pembaharuan perundangan negara adalah menjamin kemaslahatan masyarakat.

Sekian, terima kasih.